PGG/KWG/002

# MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
# PERMOHONAN SEWAAN PETAK LETAK KERETA MUSIM

| BAHAGIAN 1 | BUTIR-BUTIR PEMOHON |
|---|---|

1. Nama Pemohon (Syarikat) : ………………………………………………………………
2. Alamat Perniagaan : ………………………………………………………………
   ………………………………………………………………
   ………………………………………………………………
   ………………………………………………………………
3. Pegawai yang Boleh Dihubungi : ………………………………………………………………
4. Nombor Telefon : ……………………… 5. Nombor Faks : ………………………

| BAHAGIAN 2 | BUTIR-BUTIR PETAK LETAK KERETA DIPOHON |
|---|---|

1. Jumlah Petak yang Dimohon : ………………………………………………………
2. Nombor Petak : ………………………………………………………
3. Nama Jalan : ………………………………………………………
4. Tujuan : ………………………………………………………
   ………………………………………………………………………………………

   (Sila kepilkan gambar kedudukan petak letak kereta dipohon)

5. Tempoh ☐ 6 Bulan ☐ 9 Bulan ☐ 12 Bulan

| BAHAGIAN 3 | PENGAKUAN PEMOHON |
|---|---|

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana di atas adalah benar dan bersedia menerima syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tandatangan : ……………………………………
Nama : ……………………………………
No. Kad Pengenalan : ……………………………………
Tarikh : ……………………………………

# MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PETAK LETAK KERETA MUSIM

**Permohonan**

1. Permohonan hendaklah dikemukakan mengguna Borang Permohonan yang disediakan bersertakan :

   i) Salinan Lesen Perniagaan MBJB yang sah tempohnya.
   ii) Salinan Pendaftaran Perniagaan SSM.
   iii) 1 gambar kedudukan petak/tapak.

2. Permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada :

   Presgo Gateways Sdn Bhd
   No. 27, Jalan Permas 10
   Bandar Baru Permas Jaya
   81750 Masai, Johor

   Toll Free: 1-300-8000-18

3. Keputusan permohonan akan dimaklumkan oleh pihak MBJB setelah permohonan diproses.

4. Keputusan MBJB adalah muktamad.

**Kadar Bayaran**

Kadar bayaran yang dikenakan sebanyak RM150.00 (Ringgit M'sia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) sepetak untuk tempoh satu bulan. Bayaran hendaklah dibuat untuk tempoh 6, 9 atau pun 12 bulan.

Penyewa Petak Rizab diwajibkan membeli Papan Tanda. Kadar bayaran yang dikenakan untuk pembelian papan tanda adalah sebanyak RM60.00 (Ringgit M'sia: Enam Puluh Sahaja)

**Penyediaan Petak Musim**

Pihak MBJB akan memastikan petak-petak yang disewa dicat mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

**Tanggungjawab Penyewa**

1. Penyewa adalah bertanggungjawab memastikan petak yang disewa tidak disalahgunakan untuk tujuan lain selain daripada tempat meletak kereta atau tujuan yang diluluskan oleh pihak MBJB.

2. Jangkamasa sah penggunaan harian petak yang disewa adalah diantara jam 8.00pagi hingga 6.00petang (Sabtu hingga Khamis).

3. Penyewa dilarang menghalang pengguna-pengguna lain untuk menggunakan petak letak kereta berkenaan di luar tempoh waktu yang dibenarkan.

**Membatalkan Kelulusan Sewa Petak Letak Kereta Musim**

MBJB berhak membatalkan kelulusan sewa petak letak kereta bermusim atas sebab-sebab :

i) Penyewa tidak membayar sewa petak pada tarikh yang ditetapkan.
ii) Penyewa melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan oleh MBJB.
iii) MBJB mendapati kemudahan seumpama ini perlu dihentikan atas sebab-sebab keselamatan, kesibukan lalulintas dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu dan munasabah.Dalam hal ini penyewa akan dimaklumkan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tindakan pembatalan dibuat.

**Menamatkan Penyewaan Petak Letak Kereta Musim**

Penyewa dikehendaki memberitahu Unit Letak Kereta MBJB secara bertulis satu bulan sebelum tarikh menamatkan sewaan sekiranya ingin memberhentikan penyewaan petak letak kereta musim.

**Pindaan Syarat**

MBJB dari masa ke semasa berhak meminda, menambah atau memansuhkan mana-mana syarat kemudahan sewa petak letak kereta musim apabila difikirkan perlu.

**Lain-lain**

1. MBJB tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana kereta yang diletakkan di petak musim atau lain-lain kegunaan petak tanpa izin penyewa.

2. MBJB tidak bertanggungjawab keatas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana kenderaan atau kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan yang terletak dimana-mana petak letak kereta musim.